KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	24.03.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JMG			

Penduduk berjaga-jaga ancaman tanah runtuh pada waktu hujan

'Ramai kini sukar tidur lena'

Oleh NOR AZIHAN MD. GHAZALI

AMPANG – Penduduk perumahan Taman Mega Jaya di sini yang terletak berhampiran kawasan runtuhan di Bukit Permai pada awal bulan ini tetap melahirkan rasa bimbang dengan ancaman tanah runtuh di lokasi terbabit meskipun pakar memaklumkan kediaman mereka masih selamat diduduki.

Pesara kerajaan, Ghafar Abdullah, 61, berkata, penduduk memang menyambut baik pendapat pakar berkenaan, namun jauh di sudut hati masih bimbang dan sukar untuk tidur lena di rumah yang diduduki sejak tahun 1985 itu.

"Pakar lebih tahu apa yang berlaku, namun kami sebagai penduduk tetap ambil langkah waspada sekiranya berlaku sebarang pergerakan bawah tanah.

"Kedudukan rumah saya hanya kira-kira 50 meter dari kawasan runtuhan dan saya dimaklumkan kediaman masih selamat setakat ini ekoran tembok penahan cukup kukuh dan kuat.

"Namun, sejak empat hari lalu saya dah isteri mengambil keputusan tinggal di rumah anak di Aras Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan sehingga Aidilfitri selepas melihat keadaan cuaca di sini yang tidak menentu," ujarnya kepada *Kosmo!* semalam.

Menurutnya, ketika ini hanya anak bujangnya tinggal seorang diri di rumah berkenaan, namun dia akan menumpang tidur di rumah seorang abangnya jika berlaku hujan lebat.

"Kebanyakan jiran saya juga akan mengosongkan rumah pada waktu malam lebih-lebih lagi bila berlakunya hujan," katanya.


Seorang lagi penduduk yang juga artis terkenal tanah air, Sabri Yunus berkata, setakat ini dia masih boleh tidur lena kerana kediamannya tidak terjejas.

"Kedudukan rumah saya kira-kira 100 meter dari lokasi bukit yang runtuh. Setakat ini saya dan jiran-jiran masih tinggal di rumah kerana kawasan kami tidak terlibat dalam pemindahan.

"Bagaimanapun, rasa bimbang tetap ada bila fikir sama ada struktur tanah selamat atau tidak. Saya bimbang jika berlaku pergerakan air dalam tanah sebab kita tak nampak," jelasnya.

Jelas beliau, pihaknya sentiasa berwaspada dan akan patuh dengan arahan pihak berkuasa sekiranya dia dan jiran-jiran diarahkan berpindah," katanya.

Kosmo! pada 10 Mac lalu melaporkan mengenai empat mangsa yang terkorban dan seorang cedera dalam kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, Ampang di sini.



KANVAS yang dipasang di lokasi tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, Ampang bagi mengurangkan risiko runtuhan tanah.



KERATAN *Kosmo!* 12 Mac 2022.

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763 I Web : www.ketsa.gov.my

KeTSAMalaysia KeTSAMalaysia ketsa.malaysia